



Tunku Abdul Rahman turut mencuba permainan tradisional.

Platform terbaik erat silaturahim

Ruang dekat institusi diraja Johor, harus jadi contoh kepada generasi muda

BATUPAHAT - Penganjuran Kembara Mahkota Johor (KMJ) dikagumi pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSMP) Batu Pahat.

Presiden Badan Wakil Pelajar MRSMP Batu Pahat, Muhammad Hafiz Hamizan Rosli berkata, kembara diketuai Sultan Johor itu menjadi platform terbaik untuk rakyat negeri ini beramah mesra dengan institusi diraja Johor.

"Meskipun bukan dilahirkan di negeri ini, saya bersama rakan pelajar mengagumi komitmen dan usaha pihak pengajur mengadakan KMJ ini.

"Ia menjadi platform ter-

baik untuk rakyat termasuklah kami mendekati Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan kerabat diraja Johor, seterusnya mengeratkan silaturahim," katanya di sini.

Muhammad Hafiz berkata, keperibadian Sultan Johor, khususnya dalam soal kepimpinan dilihat berjaya membimbing kerajaan negeri membawa pembangunan dalam pelbagai bidang.

Katanya, keperibadian positif dimiliki Sultan Ibrahim seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada generasi muda.



MUHAMMAD HAFIZ

"Pembangunan di Johor hari ini sangat pesat dan setanding seperti Kuala Lumpur serta Selangor.

"Tanpa sistem pentadb-

ran yang tersusun, kepimpinan berwibawa dan sokongan daripada institusi diraja Johor, sudah pastinya pencapaian ini tidak menjadi kenyataan seperti hari ini," katanya.

Jelajah KMJ 2016 yang diketuai Sultan Ibrahim tiba di MRSMP Batu Pahat kira-kira jam 2.45 petang.

Turut berangkat sama, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam; Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar serta Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman.

Pelbagai acara diadakan sempena sambutan ketibaan di destinasi kelapan hari ketiga KMJ 2016 antaranya pertandingan tiang licin, basikal lambat dan pameran kraf tangan.

Sultan Ibrahim meluangkan masa selama sejam untuk beramah mesra dengan hampir 2,000 penduduk termasuk pelajar MRSMP sebelum berangkat ke persinggahan seterusnya, Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail, di sini.

Tunku Abdul Rahman turut sama menyertai sukan rakyat.



Keberangkatan tiba Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bersama trak Mack yang disambut meriah warga MRSMP Batu Pahat.



Pelajar MRSMP Batu Pahat begitu teruja menyambut keberangkatan tiba Sultan Johor.



Tunku Abdul Rahman mencuba memanah dalam sukan rakyat di MRSMP Batu Pahat.